

Sidang meja bulat UiTM-UPI bincang isu digital

November 8, 2023 @ 4:47pm



Sebahagian mahasiswa UiTM dan UPI yang menjayakan Sidang Meja Bulat baru-baru ini.
Gambar ihsan UiTM

SHAH ALAM: Alam: Isu-isu berbangkit dalam kalangan negara ASEAN perlu ditangani secara bijak oleh semua pihak terbabit termasuklah kerajaan di wilayah itu.

Tanpa kawalan bijak, isu berkenaan boleh menjadi duri dalam daging apatah lagi jika ia dibawa masuk ke dunia digital.

Justeru bagi Mahasiswa Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nurul Izzah Khalid, berkata kepentingan dan perkembangan pantas dunia digital masa kini perlu dimanfaatkan sebaiknya tapi dalam masa sama ia boleh menimbulkan suasana tidak tenteram tanpa kawalan sewajarnya.

"Sebaliknya kepesatan digitalisasi mampu dijadikan alat untuk mempererat hubungan antara negara dalam ASEAN," katanya dalam perbincangan Sidang Meja Bulat Antarabangsa membabitkan FKPM dan kumpulan mahasiswa Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) yang berkunjung ke UiTM baru-baru ini.

Perbincangan antara siswa FKPM itu turut disertai pelajar UPI yang diketuai Trifosa Aviana Christi. Selain isu kawalan media digital, perbincangan itu juga menyentuh mengenai isu masalah kesihatan mental dan hubungan persekitaran yang membabitkan mahasiswa di rantau ini.

Delegasi UPI ke UiTM diketuai Timbalan Dekan Fakulti Sains Sosial, Profesor Madya Dr Siti Nurbayani dan disambut oleh Dekan FKPM, Prof Madya Dr Abd Rasid Abdul Rahman dan pengurusan kanan FKPM.

Sementara itu Abd Rasid berkata, perbincangan sihat menerusi sidang meja bulat sebegini dan pelbagai lagi penganjuran program akademik perlu dipergiatkan dalam usaha melahirkan graduan yang berdaya kritikal.

Katanya, mahasiswa adalah pemimpin masa hadapan dan pandangan mereka perlu diberikan perhatian sebaik mungkin berdasarkan kemampuan mereka menjadi pemimpin masa hadapan yang berkaliber.

Bagi Siti Nurbayani, hubungan dua hala antara universiti di Malaysia dan Indonesia juga negara-negara lain dalam wilayah ASEAN mampu dipertingkatkan dengan pelbagai penganjuran program sebegini.

Selain Siti Nurbayani, rombongan UPI turut disertai 16 mahasiswa dan kakitangan pengurusan. Kunjungan ke UiTM adalah sebahagian kerjasama antara dua universiti. UiTM dijangka akan mengadakan kunjungan balas selain terbabit dengan penganjuran program serupa di UPI.